

Kementerian, agensi- kerajaan diseru maksimumkan ruang digital

Kuala Lumpur: Kementerian dan agensi kerajaan diseru menyahut pendekatan tanpa kertas yang lebih mesra alam dan menjimatkan kos.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata penggunaan ruang digital perlu dimaksimumkan dalam menjalani sebarang urusan seharian.

Sebagai contoh, katanya, ucapan Belanjawan pada tahun ini diedarkan tanpa kertas atau 'paperless', sebaliknya secara 'softcopy' melalui aplikasi Kod QR.

"Saya sendiri menggunakan 'tablet' bagi membentangkan Belanjawan petang ini (semalam).

"Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan menambah bilangan kiosk bagi beberapa perkhidmatan utama seperti pembaharuan lesen kenderaan bermotor; selari hasrat kerajaan mahu memperluas penggunaan kiosk sebagai saluran alternatif sistem penyampaian.

"Kiosk akan diletakkan di 50 lokasi strategik di seluruh negara bagi memudahkan orang ramai mendapatkan perkhidmatan, walaupun di luar waktu pejabat," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat, semalam.

Dalam pada itu, Tengku Zafrul berkata, dana bernilai RM14 juta diperuntukkan bagi menaik taraf infrastruktur serta kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi di Kementerian Luar serta pendigitalan perkhidmatan konsular Malaysia di luar negara.

"Kerajaan juga berhasrat membina Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Lembah Pantai dengan kerjasama pihak swasta selepas mengambil kira kepadatan penduduk di Lembah Klang dan kawasan sekitar Petaling Jaya.

"Pada masa ini, terdapat 23 UTC di seluruh negara dan yang terbaru, UTC Pulau Pinang yang dibuka pada Ogos lalu," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan pengambilan 100 pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ditekankan bagi menerapkan pendidangan anti rasuah di semua peringkat.

"Ia selari hasrat kerajaan meneruskan agenda pembangunan negara berteraskan tadbir urus baik dan menjunjung prinsip integriti.

"Atas keprihatinan kerajaan, peruntukan khas disediakan sebagai ganjaran kepada mana-mana yang dapat menyalurkan maklumat mengenai sebarang salah laku dan pelanggaran undang-undang," katanya.